

# Diseksa angkara dosa sendiri

**Firman Allah SWT yang bermaksud:** *Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahan-Nya menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak. Dan bagi Allah jualah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi. Dan (ingatlah), Allah Maha mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan.*

*(Mukjizat) yang nyata dan dengan (korban) yang katakan, maka membunuh mereka, jika kamu orang-orang yang benar (dalam apa yang kamu dakwakan itu)?*

*“Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang-orang (Yahudi) yang mengatakan: Bahawasanya Allah miskin dan kami ialah orang-orang kaya. Kami (Allah) akan menuliskan perkataan mereka itu dan perbuatan mereka membunuh Nabi-nabi dengan tidak ada alasan yang membenarkannya, dan Kami akan katakan kepada mereka: “Rasalah kamu azab seksa yang sentiasa membakar”.*

*(Azab seksa) yang demikian itu ialah disebabkan perbuatan yang telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri. Dan (ingatlah), sesungguhnya Allah tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambanya.*

*Orang-orang (Yahudi itulah) yang berkata: “Sebenarnya Allah telah perintahkan kami, supaya kami jangan beriman kepada seseorang Rasul sehingga ia membawa kepada kami korban yang dimakan api”. Katakanlah (Wahai Muhammad): “Sesungguhnya telah datang kepada kamu beberapa Rasul dahulu daripadaku dengan membawa keterangan-keterangan (mukjizat) yang nyata dan dengan (korban) yang kamu membunuh mereka, jika kamu orang-orang yang benar (dalam yang kamu dakwakan itu)? Oleh itu, jika mereka mendustakanmu (Wahai Muhammad, maka janganlah engkau berdukacita), kerana sesungguhnya Rasul-rasul yang terdahulu daripadamu telah didustakan juga, mereka telah membawa keterangan-keterangan (mukjizat) yang nyata dan Kitab-kitab (nasihat pengajaran), serta kitab (syariat) yang terang jelas. (ali-Imran: 180-184)*

Allah: akan kami tuliskan yang mereka katakan itu. Sebab kata yang demikian adalah sangat jahat kerana menyalah ertikan maksud Allah.

● Al-Sonhaji berkata: Allah telah mengancam iaitu akan menuliskan kata-kata mereka sebagai pendusta dalam 'buku amalan' mereka yang bakal mereka pertanggungjawab di akhirat kelak.

Dan pembunuhan mereka yang tidak berhak terhadap para Nabi yakni peristiwa kekejaman yang dilakukan oleh mereka pada zaman dahulu akan dicatat di dalam buku amalan mereka dan disebabkan mereka reda dan bersetuju dengan kekejaman yang mereka lakukan tersebut.

## Iktibar dan fiqh ayat ke-182:

● Ibn Kathir berkata: Apa yang dikatakan kepada mereka itu merupakan teguran, celaan, penghinaan dan ejekan.

● Al-Maraghi berkata: Seksaan yang diberikan kepada mereka kerana perbuatannya sendiri. Allah SWT itu bersifat adil dalam menjatuhkan hukuman dan dalam tindakan-Nya, tidak bersifat derhaka dan tidak pernah berlaku zalim.

Oleh yang demikian, orang yang tidak berhak dihukum, tidak dikenakan hukuman. Orang yang berdosa pula akan dipisahkan dengan orang yang bertakwa.

● Hamka berkata: Jika kamu disuruh merasakan betapa pedihnya seksa pembakaran, terbakar semangat kamu ketika hidup, terbakar di akhirat sesudah mati, janganlah itu kamu sesalkan kepada Allah.

Sebab hukum Allah adalah hukuman yang adil, orang yang tidak bersalah tidaklah akan dianiaya.

● Al-Sonhaji berkata: Adanya seksa kerana adanya amal yang jahat. Ini semata-mata menunjukkan keadilan Allah SWT jua.

Bukanlah bermakna Allah itu zalim, dan menganiaya. Orang yang tidak bersalah tidak boleh dihukum, yang durjana tidak akan diperlakukan seperti orang yang bertakwa dan yang kufur tidak akan dilayan seperti orang yang beriman.

## Iktibar dan fiqh ayat ke-183:

● Ibn Kathir berkata: Allah SWT berfirman dalam mendustakan mereka yang menganggap bahawa Allah SWT telah mengambil janji dari mereka dalam kitab-kitab mereka, untuk tidak beriman kepada seorang Rasul pun. Sehingga terjadi mukjizat iaitu jika ada orang dari umatnya yang bersedekah, lalu sedekahnya itu diterima, maka akan turun api dari langit yang menhanguskan sedekah tersebut.

● Ibn Jarir al-Tabari berkata: Apabila salah seorang di antara mereka

mengeluarkan sesuatu sedekah, sekiranya sedekah itu diterima Tuhan, nescaya turunlah api dari langit memakan apa yang telah disedekahkannya.

● Ibn Jarir meriwayatkan salah seorang daripada kalangan mereka yang dahulunya sering bersedekah, tetapi apabila sedekah itu diterima, maka turunlah api dari langit kepadanya, kemudian memakan barang yang disedekahkan itu.

● Mufassir al-Kalby berkata: Beberapa yahudi datang menemui Rasulullah SAW. Mereka itu ialah Ka'ab bin al-Asyraf dan yang lainnya mereka berkata kepada Nabi Muhammad SAW: Engkau mengakui dirimu menjadi rasul dan membawa kitab. Sedangkan di dalam kitab Taurat ada menyebut, bahawa kami tidak boleh terus beriman kepada seseorang yang mengakui sebagai nabi, sebelum dia datang kepada kami dengan suatu korban yang kemudiannya dimakan api.

## Iktibar dan fiqh ayat ke-184:

● Al-Qurtubi berkata: Kitab-kitab yang dipanggil sebagai Zubur atau Zabur sebenarnya bermaksud dengan kitab. Antara maksudnya juga satu tegahan dan ancaman.

● Al-Maraghi berkata: Ayat ini memberi hiburan kepada Rasulullah SAW dan menerangkan bahawa pada setiap zaman, tabiat manusia adalah sama sahaja.

Ada yang mahu menerima kebenaran dan mahu menyambutnya dengan dada yang lapang, hati yang tenang dan ada pula yang menunjukkan sikap melawan kebenaran, memusuhi pembawanya dan menganggap bodoh orang yang mahu menerima kebenaran.

● Hamka berkata: ini adalah kata tasliyah, pujuk penawar hati Nabi SAW daripada Allah.

Segala tentangan, sanggahan atau meminta mukjizat api putih menelan korban, atau meminta dihidupkan kembali korban bakaran Bani Israel iaitu korban dibakar bukan dibahagi dagingnya, atau hal-hal yang mereka kemukakan, sudah terang kerana kufur saja.

● Al-Sonhaji berkata: Ayat ini adalah hiburan dari Allah kepada nabi-Nya kerana di dalamnya diterangkan tabiat dan pekerti manusia sepanjang zaman.

Di antara mereka itu ada yang mahu menerima perkara yang hak dan benar seperti yang dibawakan oleh para rasul tersebut. Diterima dengan dada terbuka dan berlapang dada. Dan ada pula di antara mereka yang membangkang dan menentang kebenaran itu serta menghalang orang yang memperjuangkannya.

Ayat-ayat dibincangkan di atas jelas menunjukkan perlunya kita menjadi hamba Allah dan tidak terpesong sebagaimana golongan Yahudi yang sanggup membunuh para nabi mereka di samping mendustakan rasul dan nabi.

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

## Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

(SIRI KE-70)

itu suka berjihad dengan mengorbankan hartanya, yang mana rasa sayang terhadap harta itu hampir sama dengan rasa sayang kepada nyawa mereka sendiri.

Lalu diterangkan di sini ancaman-ancaman Allah kepada orang yang lokek atau bakhil terhadap hartanya.

## Iktibar dan fiqh ayat ke-181:

● Al-Qurtubi berkata: Allah menyebut kehinaan dan kehodohan ucapan kufur lebih-lebih lagi golongan Yahudi.

● Al-Maraghi berkata: Allah SWT akan menyiksa mereka dengan seksaan yang tidak dapat diragukan lagi sebagai balasan di atas perbuatan tersebut.

Ini kerana dalam proses mencatat dosa dan memelihara catatannya bererti memberikan hukuman (seksa) kepadanya. Pengertian seperti ini berlaku secara umum dari aspek penggunaan bahasa.

● Hamka berkata: kalau misalnya ditanyakan orang kepada mereka: Apa alasanmu berkata demikian? Tentu mereka menjawab: al-Quran sendiri mengatakan! Maka mengancamlah

**A**l-Maraghi berkata: Pembicaraan sebelumnya berkisar mengenai galakan agar berjihad dengan cara mengorbankan jiwa pada jalan Allah SWT serta menerangkan keistimewaan yang akan diterima oleh para mujahid, iaitu kedudukan yang mulia di sisi Tuhan mereka di dalam syurga yang penuh kenikmatan.

## Iktibar dan fiqh ayat ke-180:

● Mujahid berkata: Maksud ayat ini ialah, orang-orang yang bakhil itu akan dipaksa memikul jenis harta yang dibakhilkannya pada hari kiamat sebagai balasan mereka sehingga tidak berdaya memikulnya.

● Al-Maraghi berkata: Ayat ini bersifat umum kerana ia mengandungi dorongan supaya melakukan pengorbanan harta tanpa batasan jumlah dan waktu yang tertentu.

● Hamka berkata: Ayat ini peringatan keras kepada si bakhil, supaya mengubah cara mereka berfikir.

Allah telah memberinya kurnia, tetapi setelah kurnia itu diterimanya dibolotnya untuk diri sendiri. Dia enggan memberikan sekadarnya untuk orang lain.

● Al-Sonhaji berkata: Allah menurunkan ayat ini supaya seseorang